

**MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC)**

Ruj. : 600-1/7/2 (41)  
Tarikh : 18 Mac 2020

YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PENGENDALIAN PROGRAM PENGAJIAN MENANGANI PENULARAN WABAK COVID-19**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan langkah-langkah menangani penularan wabak Covid-19, Pihak TTAC MBOT menyambut baik inisiatif Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) untuk menjalankan pengajaran dan Pembelajaran dalam talian (tertakluk arahan semasa Kementerian Pendidikan Tinggi) atau penangguhan pengajian untuk sementara waktu selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan mulai 18 - 31 Mac 2020.
3. Bagi membantu PPT, adalah dimaklumkan TTAC MBOT mengalu-alukan pendidikan secara fleksibel selaras dengan falsafah yang dinyatakan secara jelas di dalam TTAC Manual 2019. Dalam menghadapi waktu sukar ini, TTAC MBOT memahami sesuatu keadaan memerlukan langkah-langkah yang bersesuaian dengan keadaan.
4. Berikut adalah Panduan umum TTAC MBOT kepada PPT untuk membantu perjalanan pengajian terutamanya melibatkan aspek penilaian kursus pada semester ini sekiranya keadaan berlanjutan:
  - i. Kepentingan memastikan pencapaian hasil pembelajaran diambil perhatian khusus
  - ii. memberi kelonggaran kepada PPT dalam menguruskan aspek penilaian selagi mana ianya memementingkan kesahan (*validity*), tahap kesukaran (*level of difficulty*), menjalankan dengan ketat dan selamat (*conducts rigorously and securely*) dan keadilan kepada semua pelajar (*fairness to all students*)
  - iii. Sebarang perubahan sementara hendaklah mendapat kelulusan mengikut governan pengurusan akademik masing-masing
5. Dalam memastikan pengukuran pencapaian hasil pembelajaran yang biasanya memerlukan pertemuan bersemuka, TTAC MBOT mengambil maklum terdapat pelbagai kaedah yang boleh dijalankan. TTAC MBOT memberikan pilihan kebijaksanaan PPT dalam memastikan 3 aspek yang dinyatakan di atas diuruskan dengan sebaiknya.

**“Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan ada kemudahan” (Al Insyirah: 5-6)**

Perhatian dan kerjasama YBhg.Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROFESOR DATO' TS. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS)**

Pengerusi  
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC)  
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)